

## **Pola Mengambil Keputusan dan Penganalisan dalam Membeli Saham: Kajian ke atas Para Pelanggan Bursa Saham Kuala Lumpur**

**Osman Md Zain**  
Jabatan Pemasaran  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan meneroka sejauh manakah digunakan pengetahuan teknik-teknik analisis pelaburan dalam membuat keputusan untuk membeli dan menjual saham di kalangan para pelabur individu. Dua kaedah pengutipan data telah dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia, iaitu dengan menggunakan soalselidik melalui temuduga dan melalui pos. Walau bagaimanapun, laporan ini akan hanya memupukan kepada maklumat yang diperolehi melalui temuduga sahaja. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar dari pelabur menggunakan teknik-teknik analisis dengan berpandukan kepada beberapa sumber bacaan dan juga tip dari kawan-kawan.*

### **ABSTRACT**

*This study explores the extent of knowledge and usage of some techniques of investment analysis among the investors. It involves 477 individual investors throughout West Malaysia. The results of the study showed that the investors in the study used some form of analysis in handling their securities transactions based on their readings and tips from friends.*

### **PENDAHULUAN**

Kajian berhubung dengan membuat keputusan membeli telah lama menjadi tumpuan kajian para penyelidik perlakuan. Tetapi, kebanyakan kajian ini menumpukan kepada aspek-aspek membuat keputusan membeli barangan pengguna. Contohnya, kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik seperti Davis (1970), Davis dan Rigaux (1974), Nik Rahimah dan Ismail (1984), semuanya menumpukan kepada pengaruh suami isteri dalam membuat keputusan membeli barangan pengguna. Osman dan Aliah Hanim (1986) pula telah menjalankan kajian yang sama dengan menggunakan kaedah Delphi untuk menentukan sama ada

wujudnya persetujuan umum di kalangan suami isteri berhubung dengan pengaruh mereka dalam membuat keputusan membeli sesuatu barangan.

Chugh dan Meador (1984) cuba meneroka pandangan para penganalisis kewangan tentang proses penilaian saham. Sampel kajian mereka adalah terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Penganalisis Kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa para penganalisis saham telah meletakkan prospek pendapatan jangka panjang dan kekuatan kewangan syarikat sebagai kriteria yang paling penting dalam menilai sesuatu saham.

Sungguhpun banyak kajian berhubung dengan membuat keputusan membeli telah dijalankan, namun demikian kajian yang menumpukan kepada belian dan jualan sekuriti masih lagi berkurangan. Maklumat berhubung dengan latar belakang para pelabur dan teknik-teknik penganalisan yang mereka gunakan adalah penting bagi Bursa Saham Kuala Lumpur atau pihak-pihak yang terlibat dalam usaha mempertingkatkan prestasi transaksi sekuriti di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dengan adanya maklumat sedemikian, pihak-pihak berkenaan akan dapat menentukan perkara-perkara seperti media yang sesuai untuk perhubungan dengan para pelabur, tahap pengetahuan pelabur tentang berbagai teknik penganalisan sekuriti dan sebagainya.

Bidang pelaburan dalam sekuriti mempunyai risiko yang tinggi. Para pelabur memerlukan pengetahuan kewangan yang kukuh untuk proses membuat keputusan membeli sesuatu kaunter saham. Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak-pihak yang mengatakan bahawa sebilangan besar daripada para pelabur yang terlibat dengan pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak menggunakan sebarang teknik penilaian kewangan dalam aktiviti pelaburan mereka (Ngam 1983).

## MATLAMAT KAJIAN

Tujuan kertaskerja ini ialah untuk meninjau pengetahuan para pelabur tentang teknik-teknik penilaian sekuriti dan penggunaannya dalam urusan mereka menjual beli saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Untuk tujuan ini satu kajian telah dijalankan ke atas para pelabur saham di Semenanjung Malaysia. Kaedah statistik seperti ujian Khi Gandadua telah digunakan untuk menentukan sama ada satu-satu variabel itu mempunyai kaitan yang penting dalam membuat penilaian dan keputusan membeli sesuatu kaunter saham.

## ASAS KAJIAN

Setakat ini, tidak banyak kajian berhubung dengan penganalisan dan pengambilan keputusan membeli saham telah dijalankan di negara ini.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penulisan yang berkaitan dengan pembelian saham, di antaranya ialah Michael (1981) yang membincangkan cara menilai saham yang hendak dibeli dengan menggunakan nisbah harga/perolehan, status industri dan pencapaian pengurusan. Ngam (1983) pula memberikan panduan asas kepada yang berminat hendak menceburkan diri dalam pasaran saham. Beliau menyarankan agar pelabur membeli dengan harga yang murah dan menjual pada harga yang mahal. Sememangnya inilah pendekatan yang dikehendaki oleh setiap pelabur tetapi kita semua akui, termasuk Ngam, bahawa menentukan tahap yang rendah dan tahap yang tinggi itu bukanlah semudah sebagaimana yang diutarakan.

Sebenarnya dalam menganalisis sekuriti terdapat dua pendekatan yang agak meluas dan selalu diperkatakan di dalam bahan-bahan bacaan kewangan iaitu analisis asas dan analisis teknikal. Analisis asas menggunakan kaedah-kaedah seperti aliran tunai, pendapatan dividen dan pengaliran perolehan. Penganalisan sekuriti perlu meliputi tajuk-tajuk seperti prospektif ekonomi dan industri, prospektif syarikat, kualiti pengurusan, status kewangan syarikat, jangkaan dividen, tahap risiko, tahap faedah dan penentuan nilai intrinsik selepas penilaian yang teliti (Tan 1980; Tin 1981).

Penggunaan analisis asas telah diperkembangkan dengan mewujudkan beberapa model penilaian saham yang menggunakan input-input asas seperti dividen, pulangan, pendapatan dan sebagainya. Fuller dan Hsia (1984) telah memperkenalkan model-H dengan memanjangkan model diskaun dividen kepada tiga langkah untuk menganggarkan harga saham. Estep (1987) pula telah memperkenalkan model-T untuk meramalkan pulangan pelaburan dengan menggunakan data-data seperti pulangan ke atas ekuiti, perkembangan dan perubahan dalam nisbah harga/buku.

Analisis teknikal memerlukan kajian ke atas kelakuan pasaran. Ianya banyak menggunakan carta-carta harga pasaran sekuriti dan statistik-statistik yang berkaitan dengan perdagangan sekuriti. Ng (1973) telah membincangkan dengan mendalam bagaimana analisis teknikal ini dapat mengesan peristiwa-peristiwa dan faktor-faktor yang ujud untuk mengubahimbangan bekalan-permintaan.

Kesemua penulisan yang dibincangkan di atas adalah merupakan panduan dan nasihat kepada para pelabur dalam menilai dan mengambil keputusan membeli. Sejauh manakah para pelabur ini menggunakan teknik-teknik yang disarankan itu masih menjadi tandatanya. Malah Muhamad (1986) telah menyatakan bahawa bukan semua teknik-teknik analisis boleh digunakan oleh pelabur di Malaysia kerana ketandusan maklumat penting, berhubung dengan kewangan yang diperlukan oleh pelabur.

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Dua pendekatan telah digunakan untuk mengutip data kajian ini. Pendekatan pertama ialah melalui temuduga yang dikendalikan oleh sekumpulan pelajar tahun akhir, yang kebanyakannya dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Aktiviti temuduga ini telah dijalankan di bilik-bilik perniagaan broker di seluruh Malaysia Barat. Pemilihan sampel adalah berdasarkan pada pensampelan mudah. Cara pemilihan ini digunakan kerana bukan semua para pelabur pergi ke bilik-bilik perniagaan broker mereka untuk melabur. Kebanyakan mereka hanya berhubung dengan para remisier mereka melalui talipon sahaja untuk hal-hal berkaitan dengan pelaburan. Dengan itu, kaedah pensampelan rawak memang tidak boleh digunakan dalam kajian ini. Namun demikian, maklumat yang diperolehi tidak boleh diabaikan. Pengutipan data melalui kaedah ini menghasilkan sebanyak 477 soal-selidik.

Pendekatan kedua dalam mengutip data ialah melalui pos, di mana soalselidik-soalselidik telah dihantar kepada 900 orang pelabur di seluruh Malaysia Barat. Satu susulan telah dibuat kepada setiap responden dua minggu dari tarikh penghantaran pertama. Sampel ini dipilih secara rawak dari senarai pelabur individu yang berdaftar dengan MIDF Consultancy & Corporate Services Sdn Bhd. Perlu dinyatakan di sini bahawa senarai pelabur yang ada pada pihak MIDF juga tidak meliputi keseluruhan pelabur individu. Untuk mendapatkan senarai keseluruhan pelabur individu adalah susah kerana tidak mendapat kerjasama dari para remisier dan broker. Senarai pelanggan-pelanggan merekalah bila dikumpulkan akan menjadi senarai jitu keseluruhan pelabur individu.

Melalui kaedah pos ini, sebanyak 138 soalselidik yang boleh diguna untuk kajian ini telah diterima kembali (iaitu pada kadar 15 peratus pulangan). Terdapat juga soalselidik yang dikembalikan tetapi jawapan-jawapan adalah tidak sempurna atau responden tersebut hanya terlibat dengan kegiatan pelaburan terbitan umum sahaja. Dengan itu, soalselidik-soalselidik tersebut tidak boleh digunakan untuk kajian ini. Perlu dinyatakan di sini bahawa kaedah kedua ini dijalankan dua bulan sebelum kaedah pertama dimulakan.

Data dari kedua-dua pendekatan pengutipan data tadi telah diuji dengan ujian statistik *t* untuk mengetahui sama ada ujudnya perbezaan yang bererti di antara dua pendekatan tersebut. Hasil ujian tersebut telah menunjukkan bahawa terdapat banyak variabel yang mempunyai perbezaan yang bererti. Perbezaan masa pengutipan data di antara dua pendekatan ini ternyata telah mempengaruhi hasil ujian *t*, lebih-lebih lagi faktor yang dikaji ini melibatkan kegiatan jual beli saham yang dianggap sensitif melalui masa. Dengan itu, laporan kajian ini akan hanya

menumpukan kepada data yang dipungut melalui temuduga sahaja yang mempunyai saiz sampel sebanyak 477.

Soalselidik yang digunakan untuk kajian ini mengandungi soalan-soalan tertutup dan ianya terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertamanya mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan penglibatan pelabur di pasaran saham dan bahagian kedua pula mengandungi soalan-soalan berhubung dengan responden itu sendiri. Beberapa soalan kawalan telah dikemukakan di halaman pertama soalselidik ini dengan tujuan untuk menolak pelabur-pelabur yang hanya membeli saham melalui terbitan umum sahaja. Kajian ini tidak meliputi pelabur-pelabur yang membeli melalui terbitan umum kerana pada kelazimannya cara pelaburan tersebut mempunyai risiko yang paling rendah sekali. Risiko membeli saham melalui terbitan umum hanya meliputi nilai perkhidmatan bank yang dikenakan iaitu sebanyak \$3.00 sahaja.

## PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

### BIODATA RESPONDEN

Jadual 1 mempamerkan biodata responden mengikut kajian ini. Oleh kerana keturunan tidak menjadi faktor kawalan dalam pemilihan sampel kajian ini, maka jumlah keturunan yang ada dalam sampel ini ternyata mempamerkan komposisi kaum yang terlibat dalam menjual dan membeli sekuriti di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pelabur berketurunan Cina merupakan kumpulan terbesar yang melibatkan diri dalam sekuriti saham, iaitu sebanyak 68.98 peratus daripada responden. Pelabur-pelabur dari keturunan Melayu dan India, masing-masing merangkumi sebanyak 23.9 peratus dan 7.13 peratus.

Lebih separuh daripada responden adalah terdiri daripada mereka berumur di antara 35 hingga 54 tahun. Pelabur yang berumur 18 hingga 34 tahun merupakan golongan pelabur yang kedua banyaknya, iaitu 34.8 peratus. Dari segi pendapatan pula, sebanyak 32.3 peratus daripada responden mempunyai pendapatan di antara \$1,000 hingga \$2,000 sebulan. Golongan ini diikuti oleh 25.4 peratus responden yang mempunyai pendapatan \$2,000 hingga \$3,000 sebulan. Para responden yang mempunyai pendapatan \$5,000 ke atas adalah kecil bilangannya iaitu kurang dari 10 peratus.

Sebahagian besar daripada responden mendapat pendidikan setinggi Sijil Tinggi Persekolahan sahaja. Golongan ini merangkumi 45.1 peratus dari responden kajian ini.

JADUAL 1. Maklumat mengenai responden kajian

Variabel-variabel	Bil.	%
<b>Keturunan</b>		
Melayu	114	23.9
India dll.	34	7.1
Cina	329	69.0
	477	100.0
<b>Umur</b>		
34 tahun ke bawah	166	34.8
35-54 tahun	258	54.1
55 tahun ke atas	53	11.1
	477	100.0
<b>Pendapatan</b>		
\$1,000 ke bawah	83	17.4
\$1,001-\$2,000	154	32.3
\$2,001-\$3,000	121	25.4
\$3,001-\$5,000	79	16.6
\$5,000 ke atas	40	8.4
	477	100.0
<b>Taraf Pendidikan</b>		
Ijazah	145	30.4
Diploma	88	18.4
STPM/SPM/SRP	215	45.1
Sekolah Rendah/Tak Sek.	29	6.1
	477	100.0

#### MODAL PELABURAN

Hasil kajian ini juga telah memaparkan maklumat yang menarik dari segi modal pelaburan yang digunakan sewaktu responden mula menceburkan diri dalam pasaran saham. Lebih 50 peratus daripada mereka yang dikaji telah menyatakan bahawa modal permulaan mereka adalah kurang dari \$10,000 manakala selebihnya memulakan pelaburan dengan modal \$10,000 ke atas. Maklumat ini dapat dilihat dalam Jadual 2. Pada masa kajian ini dilakukan ada kemungkinan yang modal pelaburan telah meningkat berbanding dengan modal asal mereka. Jika dibuat perbandingan, peratusan pelabur yang menggunakan modal lebih daripada \$10,000 nampaknya telah bertambah dari 47.3 peratus ke 73.5 peratus, manakala pelabur yang menggunakan modal \$10,000 ke bawah telah berkurang daripada 52.7 peratus ke 26.5 peratus. Perubahan ini mencerminkan satu petanda yang menggalakkan.

Sebahagian besar daripada pelabur, dari mana-mana keturunan sekali pun, didapati menggunakan modal permulaan sebanyak \$10,000 ke bawah. Peratusan pelabur Melayu dan India yang menggunakan modal permulaan \$10,000 ke bawah adalah dalam lingkungan 60–63 peratus, manakala kaum Cina hanya merangkumi sebanyak 48.8 peratus sahaja. Namun demikian, peratusan pelabur Cina yang melabur pada tahap \$10,000 ke bawah didapati berkurangan pada masa kajian ini dijalankan berbanding dengan masa mereka mula menceburi dalam bidang pasaran sekuriti ini, iaitu dari 48.8 peratus kepada 23.4 peratus. Perbezaan yang paling banyak sekali adalah di kalangan kaum India di mana peratusan pelabur menurun dari 62.5 peratus ke 6.7 peratus bagi mereka yang melabur di tahap \$10,000 ke bawah. Ini bermakna sebahagian besar dari

JADUAL 2. Modal untuk pelaburan dalam saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur

	KETURUNAN				
	Melayu	India dll.	Cina	N	%
<b>Pelaburan Permulaan</b>					
\$10,000 ke bawah	61.5	62.5	48.8	245	52.7
\$10,001–\$40,000	27.5	25.0	32.7	144	31.0
\$40,001 ke atas	11.0	12.5	18.5	76	16.3
Respons yang efektif	n = 109	n = 32	n = 324	465	100.0
Ujian Gandadua Khi	Nilai = 7.35585		df = 4	prob = 0.1182	
<b>Pelaburan Sekarang</b>					
\$10,000 ke bawah	41.7	6.7	23.4	119	26.5
\$10,001–\$40,000	26.2	60.0	35.8	158	35.2
\$40,001 ke atas	32.1	33.3	40.8	172	38.3
Respons yang efektif	n = 103	n = 30	n = 316	449	100.0
Ujian Gandadua Khi	Nilai = 24.02801		df = 4	prob = 0.0001	

mereka sudah menambah modal pelaburan mereka. Perubahan yang berlaku pada tahap \$10,000 ke bawah adalah sedikit, iaitu 19.8 peratus sahaja.

Sebahagian besar daripada sumber modal permulaan pelabur adalah dari simpanan mereka. Sebanyak 88.1 peratus dari para responden telah menyatakan bahawa sumber modal pelaburan mereka adalah dari simpanan mereka. Pinjaman dari institusi kewangan dan keluarga merupakan kadar peratusan yang kedua dan ketiga tingginya, iaitu masing-masing sebanyak 21.2 dan 11.1 peratus. Hanya 7.3 peratus daripada pelabur menjual harta untuk modal pelaburan mereka.

Maklumat ini dipamerkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Sumber modal untuk pelaburan dalam sekuriti saham

Sumber Modal	Bilangan Jawapan	N = 477 Peratusan
Institusi Kewangan	101	21.2
Pinjaman Daripada Keluarga	53	11.1
Simpanan	420	88.1
Jual Harta	35	7.3
Lain-lain	15	3.1

#### MAKLUMAT PELABURAN

Maklumat pasaran merupakan satu elemen yang penting bagi para pelabur. Lebih 90 peratus dari responden pernah membaca rencana tentang pelaburan. Sebahagian besar daripada para pelabur saham di Bursa Saham Kuala Lumpur bergantung kepada maklumat yang didapati daripada sumber-sumber seperti Bahagian Perniagaan di dalam akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah. Lebih daripada 86 peratus daripada mereka yang mendapatkan sumber maklumat pasaran dari majalah membaca *Investors Digest*, manakala 66 peratus daripada mereka membaca *Malaysian Business*. Jadual 4 memaparkan sumber maklumat untuk pelaburan saham mengikut bilangan respons. Jadual tersebut juga menunjukkan bahawa sebahagian besar pelabur mendapatkan bahan maklumat pasaran untuk pelaburan saham daripada broker (45.1 peratus) dan berlanggan (48.2 peratus).

Lebih 77 peratus daripada responden kajian ini menyatakan bahawa mereka membuat analisis sendiri dalam memilih sesuatu kaunter saham. Walau bagaimanapun, maklumat dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa dalam penganalisan mereka sendiri itu para pelabur juga dipengaruhi oleh perasaan, tip dari kawan dan nasihat dari broker. Ujian statistik Gandadua Khi telah dijalankan ke atas dasar-dasar membuat keputusan di antara kaum dan hasilnya menunjukkan bahawa keputusan yang berdasarkan perasaan mempunyai hubungan penting di antara kaum. Pelabur India mendahului kaum-kaum lain dalam membuat keputusan berdasarkan perasaan dalam membeli dan menjual saham, iaitu sebanyak 38.7 peratus diikuti oleh pelabur Cina 32.8 peratus dan pelabur Melayu 13.2 peratus.

Jadual 6 menunjukkan tahap penggunaan teknik-teknik penganalisan oleh para pelabur. Dilihat pada peratusan respons yang mengatakan bahawa sesuatu teknik itu penting dan sangat penting digunakan dalam penganalisan sesuatu sekuriti saham, ternyata sekali yang kaedah-kaedah analisis asas telah mendahului kaedah-kaedah analisis teknikal.



Sebanyak 46 hingga 65 peratus dari responden telah menyatakan bahawa kaedah-kaedah analisis asas adalah penting dan sangat penting dalam penganalisan sekuriti.

JADUAL 4. Sumber maklumat untuk pelaburan saham mengikut jumlah respons

Perkara	Bilangan Respons n = 477	Peratusan
<b>A. Pernah membaca rencana tentang pelaburan.</b>		
Ya	434	91.9
Tidak	38	8.9
Tiada jawapan	5	-
<b>B. Sumber maklumat pasaran yang dibaca.**</b>		
i. Majalah		
Malaysian Business	198	66.0
Investors Digest	259	86.3
Market Monitor	61	20.3
Lain-lain	43	14.3
ii. Bahagian Perniagaan akhbar		
	371	77.8
iii. Buku-buku		
	125	26.2
iv. Lain-lain		
	26	5.5
<b>C. Cara perolehan**</b>		
Berlanggan	215	45.1
Beli ikut rasa	168	35.2
Diberi oleh remisier	230	48.2
Pinjam	68	14.3
Lain-lain	2	2.5

\*\* Angka-angka dan peratusan adalah hasil dari jawapan "Multiple".

Para pelabur juga ditanya tentang tanggapan mereka terhadap beberapa perkara yang boleh mempengaruhi prestasi harga saham. Jadual 7 memaparkan maklumat yang diperolehi dari sampel kajian ini. Peristiwa politik dianggap penting atau sangat penting dalam mempengaruhi prestasi harga-harga saham, iaitu 82 peratus (36.3 peratus + 45.7 peratus), diikuti dengan aktiviti ekonomi (75 peratus) dan situasi ekonomi (64.4 peratus). Perlu dinyatakan di sini bahawa kajian ini dijalankan sebelum berlakunya kejatuhan harga saham yang mendadak di seluruh dunia, iaitu pada 19 Oktober 1987 yang lebih dikenali dengan "Black Monday". Hasil kajian ini menunjukkan bahawa prestasi pasaran saham luar negeri pada masa itu dianggap mempunyai pengaruh yang sederhana atau rendah terhadap prestasi harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

JADUAL 5. Pembuatan keputusan membeli saham di antara kaum (dlm peratusan)

Kaum	Melayu				India dan Lain-lain				Cina				Semua Kaum			
	I	II	III	IV	I	II	III	IV	I	II	III	IV	I	II	III	IV
Kebiasaan Guna* Keputusan Berdasarkan																
Tip/Ikut kawan Gandadua Khi prob = 0.7579	25.0	52.1	20.8	2.1	22.6	58.1	16.1	3.2	17.7	57.2	21.5	3.5	19.6	56.2	21.0	3.2
		N = 96				N = 31				N = 311				N = 438		
Ikut suka/Rasa Gandadua Khi prob = 0.0017	42.8	43.9	12.1	1.1	22.6	38.7	32.3	6.4	23.9	43.3	24.6	8.2	27.9	43.1	22.5	6.6
		N = 91				N = 31				N = 305				N = 427		
Analisis sendiri Gandadua Khi prob = 0.6498	5.7	18.9	50.9	24.5	0.0	21.2	42.4	36.4	4.5	17.0	47.8	30.7	4.4	17.7	48.1	29.7
		N = 106				N = 33				N = 312				N = 451		
Nasihat remisier/ Broker Gandadua Khi prob = 0.0855	23.5	35.7	30.6	10.0	33.3	36.7	23.3	6.7	30.0	42.9	19.0	8.1	29.3	42.6	20.8	7.3
		N = 98				N = 30				N = 312				N = 437		

\* I = Tidak Pernah  
 II = Kadang-kadang  
 III = Selalu  
 IV = Tiap-tiap kali

JADUAL 6. Tahap penting teknik-teknik penganalisan

Kaedah Analisis	Peratusan Kekerapan				Tiada Jawapan
	Tidak Penting	Agak Penting	Penting	Sangat Penting	
<b>ANALISIS ASAS</b>					
Pendapatan Sesaham	10.0	28.8	41.4	19.8	57
Nilai/Kekuatan Peng	9.4	25.3	44.0	21.3	50
Analisis Nisbah Kewangan	17.5	35.7	33.4	13.4	82
Analisis Perolehan Dividen	16.3	36.3	35.8	11.7	66
<b>ANALISIS TEKNIKAL</b>					
Indeks Pasaran	19.7	41.7	29.0	9.6	81
Carta Harga	20.7	39.6	28.3	11.4	81
Analisis Volum	16.9	34.5	33.5	15.1	86

JADUAL 7. Tanggapan terhadap perkara-perkara tertentu dalam mempengaruhi prestasi harga saham

	Tiada langsung/ Rendah	Sederhana	Tinggi	Paling Tinggi	Tiada Jawapan
Peristiwa Politik	5.8	12.2	36.3	45.7	17
Aktiviti Ekonomi	5.7	19.3	41.2	33.8	21
Perubahan Organisasi	12.8	41.3	30.8	15.0	32
Kuasa Perolehan	13.8	38.2	33.0	14.9	35
Perubahan Kadar Bunga	20.8	37.8	28.9	12.5	30
Situasi Ekonomi	7.5	28.0	40.4	24.0	27
Prestasi Pasaran Saham					
Luar Negeri	31.3	41.9	21.1	5.7	26
Perubahan Kadar Dividen	28.2	48.3	15.7	7.8	30
Insentif Pelaburan Peratus Baru	23.7	37.8	29.0	9.4	43

Penganalisan selanjutnya ialah dengan menggunakan ujian statistik Gandadua Khi ke atas variabel-variabel yang dijangkakan dapat mempengaruhi penganalisan sesuatu saham dari sudut kaedah-kaedah membuat keputusan. Sebanyak 16 variabel telah dikemukakan untuk ujian statistik tersebut dan hasilnya dipaparkan dalam Jadual 8. Hasil ujian Ganda Dua Khi menunjukkan bahawa hanya variabel carta harga sahaja yang tidak mempunyai kaitan yang bermakna dengan semua kaedah membuat keputusan oleh para pelabur. Kaedah membuat keputusan berdasarkan penganalisan sendiri mempunyai hubungan yang bermakna dengan 13 variabel yang diutarakan melainkan variabel-

mereka telah dibaca oleh lebih 66 peratus pelabur. Akhbar-akhbar juga boleh memainkan peranan penting dalam membekalkan maklumat pelaburan serta mengajar pelabur tentang penganalisan saham memandangkan lebih 77 peratus pelabur telah menyatakan bahawa 'Bahagian Perniagaan' akhbar adalah sumber maklumat pelaburan mereka.

Kajian seperti ini akan dapat diperkemaskan lagi di masa-masa hadapan jika mendapat sokongan daripada pihak-pihak remisier dan broker. Hasil kajian ini juga telah membuktikan bahawa tugas remisier/broker bukan hanya setakat transaksi jual-beli saham untuk pelabur sahaja, malah mereka diharapkan dapat membantu pelabur dalam penganalisan dan membuat keputusan.

#### RUJUKAN

- Chugh, L.C. & Joseph, W. 1984 (Nov-Dec). The stock valuation process: The analysts' view. *Financial Analysts Journal* 41-48.
- Davis, H.L. 1970. Dimensions of marital roles in consumer decision-making. *Journal of Marketing Research* 7: 168-177.
- \_\_\_\_\_. & Benny P.R. 1974. Perception of marital roles in decision processes. *Journal of Consumer Research* 1: 51-60.
- Estep, T. 1987 (July-August). Security analysis and stock selection: Turning financial information into return forecasts. *Financial Analysts Journal*, 34-43.
- Francis, J.C. 1980. *Investment Analysis and Management*, 3rd Edition. McGraw-Hill.
- Fuller, R.J. & Chi-Cheng Hsia. 1984 (Sept-Oct). A simplified common stock valuation model. *Financial Analysts Journal*, 49-55.
- Muhamad Muda. 1986. Techniques of investment analysis: Special reference to Malaysia. *Banker's Journal Malaysia* 37 21-25.
- Michael, T.S. Chai. 1981 (March). What's a good share to buy? *Malaysian Business*, 32-41.
- Ngam, Su May 1983 (June). Shares: So you want to trade? *Malaysian Business*, 38-40.
- Ng, Soo Peng. 1973 (November). Technical analysis: An introduction. *Singapore Stock Exchange*, 12-13.
- Nik Rahimah, N. Yacob & Ismail Rejab. 1984. Pemilihan responden bagi mengukur struktur peranan keluarga dalam keputusan membeli. *Jurnal Pengurusan* 3: 77-84.
- Osman, Md Zain & Aliah Hanim Mohd Salleh. 1987. Husband-wife influence in purchase decisions: A research using the Delphi technique. Dalam *Proceeding Emerging International Strategies Frontiers*, Chin Tiong Tan et al. (Penyunting). American Marketing Association.
- Tan, Chong Koay. 1980 (November). Portfolio management: Guide on selection of common stocks through fundamental security analysis. *Kuala Lumpur Stock Exchange Gazette*, 2-7.
- Tin, Lin Pin. 1981 (April). Portfolio management: The KLSE and security analysis. *Malaysian Management Review*, 54-62.